

## 6,551 terima bantuan SIP berjumlah RM4.9j

**Kota Bharu:** Bantuan kewangan menerusi Sistem Insurans Pekerja (SIP) berjumlah RM4.9 juta memberi manfaat kepada 6,551 penerima di negeri ini sepanjang tahun lalu.

Manakala, setakat 28 Januari lalu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kelantan juga sudah menyalurkan bantuan kew-

angan RM365,303.

Pengarah Perkeso Kelantan Nora Yaacob berkata, faedah daripada SIP diberikan kepada pekerja yang menerima impak susulan penutupan pelbagai sektor akibat Covid-19.

Menurutnya, ia membolehkan individu yang kehilangan kerja meneruskan kelangsungan hidup.